

25/11/2000

(Tongkah Holdings Bhd)

TONGKAH HOLDINGS BHD yakin dapat meraih kembali keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2001 berikutan pulihnya keadaan ekonomi negara.

Pengerusi eksekutif dan ketua eksekutifnya, Mokhzani Mahathir, berkata pemulihan ekonomi menyediakan peluang perniagaan yang kukuh kepada kumpulan itu yang terbabit di dalam aktiviti pengilangan, pembinaan, kuari dan urus niaga.

Beliau berkata kerugian yang dialami tahun lalu berikutan peruntukan kerugian luar biasa yang antaranya termasuk peruntukan untuk hutang ragu dan penyusutan nilai pelaburan dalam anak syarikat.

Untuk tahun kewangan yang berakhir 30 Jun 2000, Tongkah mencatatkan kerugian sebelum cukai RM121.176 juta dengan RM128.176 juta peruntukan untuk perkara luar biasa.

"Jika semua yang dirancangkan berjaya dan tiada sebarang hapus kira yang kami rasakan mungkin tidak akan berlaku, kami mungkin mencatatkan keuntungan yang sebenarnya," kata Mokhzani kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan dan luar biasa syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

(END)